

19/03/1997

Lawatan Chissano eratkan hubungan

KUALA LUMPUR, Selasa - Lawatan empat hari Presiden Mozambique, Joaquim Alberto Chissano ke Malaysia mulai esok akan membuka lambaran baru hubungan dua hala dan juga peluang kepada pelabur Malaysia di negara selatan Afrika itu.

Chissano, 58, pejuang veteran membebaskan Mozambique dari jajahan Portugis, akan menjadi Presiden negara selatan Afrika yang pertama melawat Malaysia.

Menurut kenyataan Wisma Putra, beliau akan diringi isterinya, Marcelina Rafael, dan delegasi 34 anggota, termasuk seorang menteri, dua naib menteri dan 17 ahli perniagaan utama negaranya.

Chissano menggantikan Samora Machel, iaitu Presiden Pertama Mozambique yang meninggal dunia dalam satu kejadian pesawat terhempas pada 1986. Mozambique mendapat kemerdekaan dari Portugal pada 1975.

Malaysia turut memainkan peranan membawa keamanan di negara itu dengan menghantar anggota-anggota tenteranya berkhidmat di bawah Operasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Mozambique (UNUMOZ) pada 1992.

Naib presiden Dewan Perdagangan dan Industri Kebangsaan (DPIKM), Senator Datuk VKK Teagarajan, berkata pelabur Malaysia perlu mengambil peluang dari negara itu yang kaya dengan sumber dan menyertai bidang seperti perlombongan dan tenaga.

"Saya fikir ia ada potensi yang baik untuk pelabur kita. Kita perlu perluaskan hubungan ekonomi kita dengan lebih aktif," katanya.

Chissano akan diraikan ke satu majlis makan tengah hari oleh DPIKM pada Khamis ini, selepas menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, seorang pejuang Selatan-Selatan yang aktif.

Walaupun kedua-dua negara hanya baru mula menerokai hubungan yang lebih aktif lagi, Malaysia dan Mozambique sama-sama menganggotai Pergerakan Berkecuali (Nam), Komanwel dan yang terbaru sekali Persatuan Perkelilingan Lautan Hindi bagi Kerjasama Serantau (IOR-ARC).

Perdagangan antara Kuala Lumpur dan Maputo (ibu negara Mozambique) adalah kecil, berjumlah hanya RM1.5 juta tahun lalu dalam minyak sayuran, kimia dan bahan-bahan mentah.

Mozambique dapat menjadi satu lagi medan kepada pelabur Malaysia yang terbabit aktif di negara-negara Afrika lain seperti Angola, Afrika Selatan, Mali, Namibia, Ghana dan Guinea, sama ada melalui usahasama atau pelaburan asing langsung.

Mozambique mempunyai pelabuhan-pelabuhan di Maputo, Nacala dan Beira yang menghubungi negara-negara jiran seperti Swaziland, Zimbabwe, Malawi dan Zambia. Nacala terkenal sebagai pelabuhan air dalam di pantai timur Afrika.

(END)